



## SIARAN MEDIA

### AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

---

#### AGENSI NUKLEAR MALAYSIA PERKUKUH APLIKASI TEKNOLOGI NUKLEAR DALAM SEKTOR PERTANIAN MELALUI KERJASAMA PENYELIDIKAN BERSAMA MADA

---

**SERDANG, 3 September 2026** – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) memperkukuh peranan teknologi nuklear dalam menyokong pembangunan sektor pertanian negara. Perkara ini diterjemahkan menerusi pertukaran dokumen **Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)** yang berlangsung bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), hari ini.

Kerjasama antara **Nuklear Malaysia dan MADA** adalah langkah strategik dalam memperluas aplikasi sains dan teknologi nuklear dalam sektor pertanian, khususnya bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber air, produktiviti tanaman padi serta daya tahan industri agromakanan terhadap cabaran perubahan iklim.

Sesi pertukaran dokumen MoU telah disempurnakan oleh **Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia** dan **Encik Zulkifli bin Romli, Pengurus Besar MADA** dengan disaksikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Melalui MoU ini, **Nuklear Malaysia dengan MADA akan berkerjasama dalam aplikasi teknologi nuklear bagi aspek hidrologi dan pengurusan sumber air** termasuk pemantauan air bawah tanah, kajian sedimentasi serta penilaian integriti infrastruktur pengairan. Pendekatan berasaskan sains dan teknologi dapat menyokong pengurusan air yang lebih cekap dan berkesan di empangan dan kawasan penanaman padi MADA.

Kerjasama turut memberi tumpuan kepada **penyelidikan dan pembangunan agroteknologi pintar bagi tanaman padi**, meliputi pengurusan tanah, nutrien dan air, penggunaan teknologi *Internet of Things* (IoT) serta aplikasi teknik isotop dalam pemantauan perosak dan penyakit tanaman. Kerjasama ini juga merangkumi aspek

**pengesahan ketulenan benih padi** bagi menyokong pengeluaran benih berkualiti dan meningkatkan produktiviti tanaman.

Selain itu, Nuklear Malaysia dan MADA sedang meneroka penanaman **varieti padi yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim**, di samping memperkukuh keupayaan ramalan hidrologi bagi membantu meningkatkan kecekapan pengurusan dan agihan sumber air untuk kawasan penanaman padi.

Kerjasama strategik ini turut merangkumi **pembangunan modal insan dan pemindahan teknologi**, termasuk penyeliaan bersama bagi pengajian di peringkat Sarjana dan PhD. Inisiatif ini dijangka dapat melahirkan lebih ramai penyelidik, saintis dan tenaga teknikal tempatan yang mempunyai kepakaran dalam aplikasi teknologi nuklear, hidrologi dan agroteknologi.

Menurut **Agensi Nuklear Malaysia**, kerjasama dengan MADA mencerminkan komitmen agensi dalam memperluas manfaat teknologi nuklear secara aman untuk menyelesaikan cabaran pembangunan negara, khususnya dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

Kerjasama ini juga selari dengan aspirasi **Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN 2030)** yang memberikan penekanan terhadap pemeraksanaan ekosistem teknologi nuklear negara serta peluasan penggunaannya dalam pelbagai sektor strategik bagi menyokong pembangunan sosioekonomi, kelestarian dan kesejahteraan rakyat.

Dalam konteks sektor pertanian, teknologi nuklear berpotensi menyumbang kepada **peningkatan produktiviti, kecekapan penggunaan sumber, ketahanan tanaman serta pengurusan sumber air yang lebih mampan**. Justeru, kerjasama antara Nuklear Malaysia dan MADA menjadi platform penting untuk menterjemahkan kepakaran penyelidikan dan teknologi nuklear kepada penyelesaian yang boleh dimanfaatkan secara langsung oleh industri agromakanan negara.

Nuklear Malaysia akan terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan pemain industri bagi memastikan kepakaran serta teknologi nuklear dapat dimanfaatkan secara optimum dalam menyokong agenda pembangunan negara, termasuk usaha memperkukuh **keterjaminan makanan, kelestarian pertanian dan daya tahan sektor agromakanan Malaysia**.

– TAMAT –

Disediakan oleh:

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**  
**3 SEPTEMBER 2026**

### ***Mengenai Agensi Nuklear Malaysia***

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

**Untuk pertanyaan:** Sila layari [www.nuclearmalaysia.gov.my](http://www.nuclearmalaysia.gov.my) atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676 / 019-6285309.